
SIARAN BERITA

MYCC HOS MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS MENGENAI ISU PERSAINGAN

KUALA LUMPUR, 21 Mac 2014 – Jawatankuasa Khas mengenai isu persaingan, diketuai oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah bersidang dalam satu mesyuarat baru-baru ini, untuk membincangkan mengenai pelbagai isu persaingan merentasi pengawal selia- pengawal selia sektor yang lain.

"Mesyuarat Jawatankuasa Khas ini merupakan rentetan dari beberapa perbincangan berkaitan dengan isu persaingan terutamanya pengangkutan darat, kewangan dan sektor telekomunikasi," kata Pengerusi MyCC, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob.

Jawatankuasa Khas mengenai isu persaingan terdiri daripada wakil-wakil dari pengawal selia-pengawal selia sektorial, iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Suruhanjaya Tenaga, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan diketuai oleh MyCC.

Diantara perbincangan utama ialah mengenai isu-isu pengangkutan darat seperti bas awam, bas sekolah, teksi dan kadar pengangkutan bagi perkhidmatan lori. Pihak SPAD menyelia isu-isu pengangkutan awam namun ianya tidak meliputi isu-isu persaingan. Semasa pertemuan tersebut, SPAD turut mengesahkan bahawa kadar pengangkutan perkhidmatan lori telah diliberalisasikan, maka terdapat persaingan yang terbuka didalam pasaran tersebut. Wakil dari pihak SPAD juga akan memastikan segala usaha bagi memangkin proses persaingan teksi awam yang beroperasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan kawasan lain turut giat dijalankan.

Perkara-perkara lain yang telah dibangkitkan semasa mesyuarat tersebut merangkumi penjelasan oleh BNM berkaitan dengan bank atau syarikat-syarikat insurans yang melanggar garis panduan Bank Negara. BNM mengesahkan tiada penalti kewangan akan dikenakan dalam kes-kes seperti itu, namun bagi pihak bank atau syarikat insurans yang didapati bersalah perlu membayar balik wang kepada pengguna atau menggantikan

produk tersebut. Menurut BNM, ia bertanggungjawab keatas bank dan syarikat-syarikat insurans bagi tindakan ejen-ejen mereka. Pihak MyCC telah menerima banyak aduan yang berkaitan dengan kepenggunaan, dengan itu Pengerusi menyatakan bahawa ianya mungkin merupakan isu-isu sistemik yang perlu diambil serius oleh pihak BNM.

Mengenai sektor penyiaran, dalam pemerhatian Pengerusi terdapat beberapa aduan yang diajukan kepada MyCC mengenai kualiti perkhidmatan dan syarat-syarat tidak adil yang dikenakan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi serta syarikat rangkaian. Sektor ini merupakan diluar bidang kuasa MyCC dan Pengerusi berharap agar SKMM mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan aduan diberi perhatian serta mengadakan perbincangan bersama syarikat rangkaian bagi memastikan aduan-aduan tersebut tidak akan berulang lagi. SKMM menjelaskan bahawa ia sedang meningkatkan usaha memperbaiki alternatif bagi pelanggan membuat sebarang aduan.

Jawatankuasa Khas isu persaingan telah dibentuk pada 2011 dan pada dasarnya untuk berkongsi isu-isu lazim undang-undang persaingan serta untuk memastikan bahawa terdapat konsistensi dalam penggunaan undang-undang tersebut. Ia juga untuk memastikan bahawa syarat dan prinsip berkisarkan persaingan yang diperkenalkan oleh pengawal selia-pengawal selia sektor ini konsisten dengan pemakaian Akta Persaingan 2010 yang dikuatkuasakan MyCC.

Wakil dari MyCC yang hadir ketika mesyuarat tersebut ialah Ahli Suruhanjaya MyCC, Datuk Dr Rebecca Fatima Sta Maria, Tan Sri Dato' Dr Michael Yeoh, Tuan Rangunath Kesavan , dan Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Puan Shila Dorai Raj. Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, Pengerusi MyCC, telah mempengerusikan mesyuarat tersebut.

---tamat---

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: rowena@mycc.gov.my

Anis Syafiq, Tel +603 2273 2277 (ext 217), Email: anis@mycc.gov.my

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)



Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.